

Punca 50 peratus rakyat Malaysia meninggal dunia pada setiap tahun

# Ramai mati sakit jantung, strok

KOSMO  
22/9/12  
MIS 3

**KUALA LUMPUR** – Penyakit kardiovaskular iaitu penyakit jantung dan strok menyumbang 50 peratus kepada kematian dalam kalangan rakyat Malaysia pada setiap tahun.

Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan Dr. Feisul Idzwan Mustapha berkata, tabiat merokok dan darah tinggi merupakan faktor utama yang membawa risiko penyakit kardiovaskular selain tidak aktif secara fizikal, obesiti dan diabetes.

“Secara keseluruhan penyakit ini juga penyumbang risiko kematian di bawah umur 70 tahun melibatkan mereka yang masih produktif dari segi ekonomi atau masih bekerja,” katanya kepada

pemberita selepas sesi interaksi antara Kementerian dan media sempena Hari Jantung Sedunia di sini semalam.

Beliau berkata, berikutan peningkatan risiko kematian pramatang, sambutan Hari Jantung Sedunia tahun ini akan menumpukan aktiviti fizikal dalam kalangan golongan muda.

Bertemakan *Be Active Your Way, Everyday*, Dr. Feisul berkata, sambutan itu yang dirai pada 29 September itu menekankan

pentingnya pendidikan kesihatan jantung dengan mengamalkan budaya hidup sihat.

“Sebarang bentuk aktiviti fizikal boleh kita lakukan bagi mengurangkan risiko mendapat penyakit jantung dan risiko kematian pramatang ini,” katanya.

Sehubungan itu, Dr.



DR. FEISUL



**PENDIDIKAN** kesihatan mengenai penjagaan jantung amat penting kerana ia merupakan antara penyakit yang boleh menyumbang kematian di negara ini. – Gambar hiasan

Feisul menasihatkan masyarakat supaya menerapkan amalan pemakanan sihat dan aktiviti fizikal bersama anak-anak sebagai langkah mencegah penyakit kardiovaskular.

“Masyarakat perlu lihat

benda ini sebagai pelaburan untuk masa depan, ini kerana penyakit jantung ini adalah *silent disease* (penyakit senyap) yang boleh mengganggu kualiti hidup mereka,” katanya.

– Bernama

## Selebriti meninggal dunia akibat serangan sakit jantung

● Pada 25 Julai 2006 – Pelakon dan pengacara rancangan hiburan terkenal *Roda Impian*, Hani Mohsin, 41, meninggal dalam keadaan mengejut setelah rebah dan tidak sedarkan diri akibat serangan jantung di Terminal Penerbangan Tambang Murah, Sepang, Selangor ketika ingin pulang ke kampungnya di Perlis.



● Pada 1 Januari 2011 – Pelakon drama, Mohd. Faizal Yusop meninggal dunia pada usia 33 tahun akibat serangan jantung di Hospital Pusrawi, Kuala Lumpur selepas dimasukkan ke unit rawatan rapi setelah terjatuh di bilik air rumahnya di Sentul, Kuala Lumpur.

● Pada 3 Mei 2012 – Pelakon dan pelawak Bob Kuman atau Husni Mohd. Rawi, 41, meninggal dunia akibat komplikasi penyakit jantung, darah tinggi dan paru-paru berair di kediamannya di Kota Damansara, Selangor.

